



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN : 8 /1998
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PENJIMATAN KERTAS TULIS DAN SAMPUL SURAT

Sukacita menarik perhatian Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan untuk memberikan penekanan dan mengambil langkah-langkah berterusan dalam mengamalkan sikap berjimat cermat dan mengelakkan dari pembaziran dalam perbelanjaan pejabat. Kearah itu, salah satu langkah ialah melalui penjimatan penggunaan kertas tulis dan sampul surat di dalam agensi-agensi Kerajaan yang mana didapati setiap tahun perbelanjaan dalam pembelian kertas tulis dan sampul surat semakin meningkat.

Sehubungan dengan ini, Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah diminta untuk mencari jalan dalam penjimatan penggunaan kertas tulis dan sampul surat dan seterusnya menyebarkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian dan Jabatan masing-masing. Langkah berjimat cermat ini perlu dilaksanakan dengan seberapa segeranya bagi mengelakkan pembaziran yang berlarutan.

Sekian untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

والسلام

(HAJI HAZAIR HAJI ABDULLAH)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA2110
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : [8]JPM/SK/1998
Tarikh : 15 Zulkaedah 1418
14 Mac 1998